

Tidak diselenggara lebih 10 tahun

SELAYANG - Pihak bertanggungjawab diminta menaiktaraf sistem saliran sekitar kawasan Selayang Baru di sini segera kerana didakwa tidak diselenggara lebih 10 tahun.


Wakil penduduk, Razali Ahmad, 54, berkata, kebanyakan longkang di sini kini retak dan runtuh berikutan tiada pemantauan pihak bertanggungjawab.

Menurutnya, air di longkang berkenaan akan naik hingga satu meter setiap kali hujan kemudian akan melimpah ke kawasan rumah penduduk berhampiran.

"Kita bimbang sekiranya hujan akan menyebabkan rumah dinaiki air kerana tembok yang menjadi sistem penampungan telah runtuh dan terdapat sebahagiannya hanya menunggu masa untuk menyembam bumi.

"Tembok longkang juga diminta ditinggikan sedikit dari ukuran sedia ada kerana pembangunan kawasan sekitar menyebabkan tekanan air semakin tinggi," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Katanya, masalah tembok runtuh berkenaan dilaporkan kepada pihak bertanggungjawab, namun dimaklumkan pihak bertanggungjawab menghadapi



Struktur tembok runtuh yang memerlukan perhatian segera pihak bertanggungjawab.



RAZALI

kekangan menjalankan kerja pembersihan dan naik taraf sistem saliran.

Sementara itu, wakil Pejabat Dun Taman Templer,



ABD WAHAB

Abd Wahab Awang berkata, pihaknya menerima aduan dan lawatan tapak dilakukan selain memanggil agensi berkaitan untuk membuat pemantauan.

Katanya, pihaknya berharap pihak bertanggungjawab mengambil langkah penyelesaian berkenaan isu perparitan sekitar Selayang Baru.

"Beberapa kawasan kerap dinaiki air apabila hujan dan potensi rumah penduduk dinaiki air adalah tinggi sekiranya tembok yang runtuh ini tidak diperbaiki segera.

"Selain isu tembok runtuh didapati rizab parit juga tidak diselenggara dengan baik menyumbang kepada kerosakan pada dinding pembetung disebabkan tekanan akar tumbuhan," katanya.